

# **Bahasa Antara Sebagai Hasil Pembelajaran Bahasa Kedua**

**Puteri Roslina Abdul Wahid**

*Malaysia*

## **Latar Belakang**

Kajian bidang linguistik gunaan merupakan disiplin yang menggunakan metodologi, teknik analisis dan penyelidikan linguistik di dalam bidang yang bukan linguistik. Dalam hal ini, linguistik merupakan alat (*means*) untuk mencapai matlamat (*ends*) sesuatu kajian. Bidang yang mula-mula sekali menggunakan penyelidikan linguistik ini ialah pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua (B2) atau bahasa asing.

Kerelevanan linguistik dalam bidang ini amat jelas sekali kerana seseorang itu tidak mungkin dapat mengajar sesuatu bahasa tanpa terlebih dahulu mengetahui tentang bahasa tersebut. Jelasnya, bidang linguistik gunaan penting bagi seorang guru bahasa untuk memahami tentang bahasa, yakni bahasa sebagai ilmu, dan bahasa sebagai latihan yang menguntungkan dari segi keprofesionalan supaya kualiti pengajaran dapat dipertingkatkan.

## **Tahun 40an--50an**

Perkembangan seterusnya membawa kelahiran satu hipotesis baru pada akhir tahun 40an dan awal 50an yang telah memperkenalkan analisa kontrastif (AK) ke dalam dunia pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pengasasnya ialah C.C. Fries (1945) dan Robert Lado (1957). Analisis ini merupakan kaedah sinkronik yang mengkaji perbandingan dua bahasa atau lebih iaitu bahasa sumber (B1) dan bahasa sasaran (B2) dapat menunjukkan persamaan dan perbezaan di antara bahasa-bahasa tersebut untuk mencari prinsip-prinsip yang dapat diterapkan dalam praktik bagi

pengajaran bahasa. Seandainya struktur di antara kedua-dua bahasa itu banyak persamaannya, maka bahasa itu dianggap mudah untuk dipelajari, manakala struktur yang berbeza pula akan menimbulkan kesukaran sewaktu mempelajari B2 tersebut. Kesannya ialah berlaku kesilapan dalam pembelajaran B2. Fries mengatakan,

*"The most effective material are those that we based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learner."* (1945:9)

Menurut beliau, bahan yang paling berkesan ialah bahan yang didasarkan dengan deskripsi secara saintifik bahasa sasaran yang dipelajari, dibandingkan selari dengan deskripsi dalam B1.

Lado (1957) mengatakan bahawa pengetahuan bahasa kita boleh meramalkan atau menghuraikan pola-pola yang menyebabkan kesukaran di dalam pembelajaran sesuatu bahasa dan pola-pola yang tidak menyebabkan kesukaran kepada pelajar dengan membandingkan secara saintifik bahasa dan budaya B1 dan B2.

*"... the elements that similar to his native language will be simple for him, and those elements that are different will be difficult."*  
(Lado: 1957:2)

Tujuan asal AK ini ialah untuk membentuk satu tatabahasa universal tetapi kemudiannya tujuan tersebut beralih kepada penyediaan peralatan dan bahan pengajaran B2.

Terdapat dua versi dalam analisis ini. Pertama, versi kuat yang dikenali sebagai AK *a priori*, di mana B1 dan B2 dibandingkan untuk menunjukkan perbezaan atau persamaan antara kedua-duanya untuk meramalkan dengan tepat masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh pelajar bahasa tersebut. Kedua, versi lemah yang dikenali sebagai AK *a posteriori*. Analisis ini memperlihatkan kesilapan-kesilapan

yang dihasilkan oleh pelajar. Perbezaan di antara kedua-dua struktur bahasa dibandingkan itu pula dapat menjelaskan kesilapan-kesilapan tersebut.

Kejayaan AK adalah disebabkan oleh penerapannya di dalam pengajaran bahasa. Namun demikian salah satu sebab keruntuhannya dalam tahun 70an adalah disebabkan keinginan ahli teoritis untuk menghadkan objektif Ak kepada pengajaran bahasa sahaja.

### **Tahun 60-an - 70an**

Kritikan-kritikan terhadap AK mulai timbul pada tahun 60an dan memuncak pada tahun 70an. Kekurangan AK pula ialah ia hanya boleh meramal sebahagian masalah dan kebanyakan masalah disebabkan oleh faktor yang lain. Faktor B1 bukanlah faktor utama untuk kesilapan berlaku.

Ferguson dalam bukunya "*The Grammatical Structures of English and German*" (1962) berpendapat bahawa kajian AK antara dua bahasa amat baik untuk perancangan kursus dan persediaan teknik pengajaran bahasa sahaja. Manakala, Duskova di dalam bukunya "*On Sources of Error on Foreign Language Learning*" (1969) pula, mengatakan bahawa AK hanyalah berfaedah bagi analisis yang berdasarkan kesilapan khususnya untuk penyediaan bahan pengajaran. Wilkins dalam bukunya "*Linguistics in Language Teaching*" (1972) mengatakan bahawa AK boleh digunakan untuk menjelaskan keterangan linguistik hanya bagi kesilapan yang dapat dikenal pasti dan bukan sebagai prosedur ramalan. Kesilapan bukanlah seratus peratus kesilapan bahasa semata-mata tetapi mungkin kesilapan psikologi dan pedagogi.

Akibat kritikan terhadap AK, banyak pengkaji membuat kajian semula terhadap kesilapan pelajar bahasa. Salah seorang daripada pengkaji tersebut ialah Pitt Corder (1967). Dalam makalahnya "*The Significance of Learner's Error*" (Richards:

19), beliau mengatakan bahawa kesilapan adalah tangga strategi pembelajaran seorang pelajar. Kesilapan tidak boleh dianggap sebagai tanda kawalan diri tetapi sebagai bukti strategi pembelajaran. Teori, kaedah pembelajaran bahasa serta kesilapan pelajar mula dianggap penting oleh pengkaji untuk pelajar, penyelidik dan pengajar bahasa. Analisis baru ini dikenal sebagai analisis kesilapan (AS) iaitu teknik untuk mengukur kemajuan di dalam pembelajaran bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Alat diagnostik yang digunakan untuk mengkaji aspek-aspek tertentu dalam pembelajaran bahasa termasuklah integrasi, asimilasi dan penghasilan sesuatu bahasa.

Perubahan fokus memperlihatkan bahawa pengajaran satu arah tidak lagi dipentingkan sebaliknya perhatian mulai diberikan kepada perkaitan antara linguistik dengan kehendak dan konteks pengajaran tertentu. Fokus utama ialah terhadap pembelajaran bahasa dan hasil pembelajaran.

Bagi Corder, kesilapan (errors) adalah disebabkan oleh proses pembelajaran bahasa dan kesalahan (mistakes) ialah hasil daripada keadaan psikologi seperti keletihan dan ianya tidak sistematik. Oleh yang demikian, ia tidak mempunyai kepentingan di dalam pembelajaran. Beliau menegaskan bahawa kesilapan membekalkan kepada pengajar maklumat tentang kemajuan pelajar kepada penyelidik.

Beliau membezakan dua jenis AS iaitu AS remedial yang digunakan oleh pengajar bahasa sebagai teknik penilaian dan pembetulan kesilapan dalam kelas-kelas bahasa, dan keduanya AS developmental digunakan oleh penyelidik untuk menghuraikan peringkat berturut-turut di dalam pembelajaran bahasa seseorang pelajar. Tiap-tiap ujaran sama ada betul atau tidak di dalam bahasa sasaran dianggap penting untuk menghuraikan pembetulan sistem bahasa pelajar pada peringkat tertentu.

## **Bahasa Antara**

Sikap baru terhadap kesilapan dan faedah kegunaan kesilapan pelajar mempunyai hubungan rapat dengan konsep pelajar mempunyai satu sistem bahasanya tersendiri. Hal ini berlaku sewaktu dalam proses pembelajaran B2. Pelajar membentuk satu sistem bahasa untuk dirinya sendiri yang mempunyai ciri-ciri struktur dan fungsian. Sistem ini seringkali dirujuk sebagai "dialek idiosinkratik" (Corder 1967), "sistem aproksimatif" (Nemser 1971) dan "bahasa antara" (Selinker 1972).

Semua istilah di atas menerangkan satu unsur yang sama iaitu bentuk bahasa yang digunakan oleh pelajar dan bentuk ini dianggap sistematik, walaupun ia sentiasa berada di dalam keadaan yang berubah-ubah semasa di dalam proses pembelajaran. Jelasnya bahasa antara (BA) ialah sistem bahasa yang bukan sistem bahasa B1 dan juga bukan sistem bahasa B2, dan ia berada di antara kedua-dua sistem bahasa tersebut. Sistem BA ini adalah sesuatu yang spontan, yang bermakna dan sistematik serta ia mempunyai peraturannya tersendiri. Oleh yang demikian AS dapat juga dilihat sebagai kajian sistem BA pelajar yang mempelajari B2 atau bahasa asing.

## **Ciri-Ciri Bahasa Antara**

BA ini dicirikan oleh pengeluaran bahasa yang dipelajari yakni ciri sistem bahasa pelajar. Ia mempunyai ciri-ciri linguistik seperti nahu, struktur sintaksis yang membentuk satu sistem bahasa dan ciri-ciri ini boleh diasingkan daripada sistem bahasa yang dipelajari iaitu B2. BA juga merupakan satu sistem yang tidak tetap yang dikeluarkan oleh prngguna bahasa misalnya, apabila seseorang mempelajari sesuatu bahasa, beliau akan membuat kesilapan dan kesilapan ini akan menunjukkan tahap bahasa pelajar tersebut. Kesilapan ini merupakan manifestasi satu sistem yang mempunyai peraturan tertentu yakni sistem bahasa yang menyatukan beberapa sistem bahasa.

Dalam BA, terdapat ciri-ciri yang menunjukkan apa yang dihasilkan bahasa tersebut atau apa yang mengganggu penggunaan bahasa itu daripada B1. BA mempunyai ciri-ciri yang boleh digunakan untuk mengenalpasti punca-punca tersebut atau apakah perbezaan antara pengguna B1 dan B2.

Sistem BA ini juga belum dipelajari atau diterima dengan sempurna. Sebenarnya kajian BA ini berhubungan dengan AS tetapi kajian ini tidak hanya mendapatkan aspek-aspek kesilapan sahaja tetapi juga bentuk kesilapan bahasa ini yang berdasarkan keseluruhan pertuturan dan apa yang dihasilkan oleh pelajar B2. Data-data yang dipungut menggunakan teknik pemutiran (*elicitation*).

BA juga dicirikan oleh fosilisasi yakni satu sistem linguistik di mana penutur sesuatu bahasa ibunda akan mengeluarkan ciri linguistik dalam bahasanya. Fosilisasi akan terus berlaku walaupun berbagai-bagai usaha dilakukan dalam pengajaran dan penerangan tentang sesuatu bentuk kesilapan itu. Kesilapan itu akan terus sebatu dalam pembelajaran si pelajar B2 dan tidak akan berubah.

Prinsip utama BA ialah pelajar membentuk sistemnya sendiri iaitu satu sistem yang berpotensi tentang bentuk dan nahu bahasa daripada segi hipotesis. Pelajar sentiasa menyesuaikan dan mengubahsuaikan pengetahuan yang sedia ada padanya apabila bertemu dengan pengetahuan baru. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan secara sistematik memberikan gambaran bahawa bahasa yang digunakan oleh pelajar B2 adalah unik, berkedudukan bebas di antara B1 dan B2.

## **Tujuan Kajian Bahasa Antara**

Menurut Faerch dan Kasper (1983: xv-xviii) dalam tulisannya mengatakan bahawa BA merupakan satu sistem yang menerangkan tentang kepelbagaian penggunaan bahasa pada tahap yang berlainan dalam proses pembelajaran. Kajian ini

bertujuan untuk melihat hasil pembelajaran B2 dan mentakrif, menjelas dan mengkategorikan fenomena dalam BA. Hal ini berlaku apabila pengkaji membuat AS di kalangan pembelajar B2.

Kajian BA juga memperlihatkan kepentingan proses pembelajaran untuk menerangkan bagaimana pelajar mengembangkan sistem BA mereka. Kajian lebih bersifat proses di mana pengkaji-pengkaji cenderung mengemukakan mekanisme dasar yang membawa kepada perlakuan BA yang tertentu misalnya struktur yang muncul dari sistem BA berkait rapat dengan faktor umur dan latar belakang.

BA sebagai satu proses untuk berkomunikasi akan memperlihatkan kaedah bagaimana pelajar menggunakan sistem BA untuk berkomunikasi dalam B2 dan kaedah ini dikenali sebagai strategi komunikasi.

## **Perkembangan Bahasa Antara**

Kajian kesilapan dalam pembelajaran B2 telah diusahakan bertolak daripada pendekatan perspektif dua teori utama iaitu behaviorisme dan teori pembelajaran kognitif. Berdasarkan pendekatan pertama, kajian kesilapan melihat kepada interferens dan analisis kontrastif (AK). Namun demikian kritikan Corder (1971) dan Selinker (1972) menyatakan bahawa AK kurang memberi perhatian kepada sumbangan yang diberikan oleh pelajar dalam proses pembelajaran B2 tersebut. Alternatif lain yang telah diberikan ialah penggunaan AS yang didakwa dapat memperlihatkan bukti bahawa pengetahuan aktif pembelajaran berlaku dalam proses pembelajaran B2. Pembelajaran bahasa dilihat sebagai kegiatan kreatif dan satu proses yang tidak ada bezanya dengan pembelajaran kognitif lain.

Corder (1975) menjelaskan bahawa terdapat tiga faktor yang mempengaruhi kelahiran BA iaitu struktur kognitif pelajar, input linguistik yang didedahkan kepada

pelajar dan akhirnya strategi pembelajaran yang dipilih oleh pelajar. Ciri-ciri yang ada pada pelajar seperti kognitif, afektif dan juga kegiatan pembelajaran semulajadi merupakan unsur yang penting menentukan hipotesis semulajadi yang dibina oleh pelajar terhadap B2. Selain daripada itu faktor umur, bakat, sikap terhadap B2 dan penuturnya, sekitar kelas dan personaliti pengajar turut memberi kesan keupayaan menghasilkan B2.

Selinker (1972) pula telah memberikan satu kerangka teoritikal dalam usaha menghuraikan fenomena BA dalam pembelajaran B2. Beliau menekankan "struktur pendam psikologi: yang boleh digiatkan apabila seorang dewasa cuba melahirkan ujaran dalam B2 yang dipelajari (Selinker: 1972:229).

Struktur pendam psikologi ini mengandungi lima proses yang boleh menyebabkan berlaku ujaran fosil menonjol dalam BA. Fenomena fosilisasi ini menurut Selinker memberikan bukti akan hakikat sebenarnya BA. Menurut Firth (1975), item fosilisasi ini didefinisikan sebagai fitur morfologi, sintaktik, fonologi, dan leksikal yang hadir dalam pertuturan pelajar B2 yang berbeza dengan peraturan B2 walaupun setelah bertahun-tahun didedahkan kepada peraturan tersebut. Menurut Selinker (1972), data yang dikaji ialah ujaran B1 penutur, ujaran BA yang dihasilkan oleh penutur dan ujaran B2 yang dihasilkan oleh penutur asli B2. Lima proses yang dimaksudkan oleh Selinker ialah pemindahan bahasa, pemindahan latihan, strategi pembelajaran, strategi komunikasi dan penyusunan bahan linguistik.

- i) Pemindahan bahasa B1 yakni pemindahan ujaran yang bukan sahaja tidak tepat tetapi juga tidak betul dari segi bahasa baku. Kesan pemindahan bahasa ini didapati dalam semua tempat di mana wujud BA. Kesilapan yang dilakukan selanjutnya dipengaruhi oleh bahasa individu.

Orang India : *I'll run there and come.*

Orang Cina : *I where got the money.*

Orang Melayu : *I no like talk to he.*



- ii) Pemindahan latihan memperlihatkan kesilapan yang berlaku disebabkan oleh pengajaran seperti buku-buku yang digunakan untuk mengajar. Misalnya, penggunaan gantinama "he" sering digunakan sebagai rujukan gantinama orang kedua berbanding penggunaan "she" dalam latihan, maka pelajar terikut-ikut menggunakan "he" sahaja sebagai gantinama orang kedua.
- iii) Strategi pembelajaran B2 berlaku apabila terdapat kecenderungan pelajar untuk mengurangkan sistem bahasa yang sukar kepada yang mudah. Misalnya pelajar menganggap semua kata kerja adalah sama tanpa membezakan sama ada kata kerja tersebut transitif atau intransitif (Jain 1969: dipetik dari Selinker 1972), maka hasilnya:

*"I am feeling thirsty."*

*"Don't worry, I'm hearing you."*

Pelajar memasukkan penanda -ing pada kata-kata tersebut walaupun tidak diperlukan.

- iv) Strategi komunikasi dalam B2 berlaku dalam BA bertujuan untuk memudahkan sistem B2 supaya mesej dapat disampaikan dengan jelas. Sekiranya pelajar menggunakan sistem B2 maka pertuturan menjadi kurang jelas dan pendengar ternanti-nanti untuk mendapatkan mesej yang hendak disampaikan.
- v) Generalisasi terlampau memperlihatkan kesimpulan yang dibuat oleh pelajar tentang sistem B2 kurang tepat atau terlampau luas. Menurut Jain (1969) (dipetik dari Selinker: 1972), penutur bahasa Tamil menggunakan bahasa Inggeris telah membuat kesilapan seperti berikut:

*After thinking a little I decided to start on the bicycle so slowly as I could as it was not possible to drive fast."*

Generalisasi terlampau kata *drive* oleh penutur yang menganggap semua kenderaan menggunakan *drive* sebagai tanda menggerakkannya.

Kelima-lima proses kognitif ini menghasilkan kesilapan dalam B2 kerana dipengaruhi oleh B1, B2 atau pendekatan pelajar. Walau bagaimanapun Firth (1975) menganggap struktur pendam psikologi yang diutarakan oleh Selinker diasaskan kepada teori yang samar-samar dan dakwaan beliau yang mengatakan hanya lima peratus orang dewasa yang cuba belajar B2 berjaya memperoleh kebolehan seperti penutur B2 dirasakan kurang meyakinkan.

Firth juga mengkritik kesamaran konsep sistemasi yang diutarakan. Menurut beliau, pada hakikatnya, pendukung hipotesis ini tidak dapat mentakrif dengan tepat istilah sistem dalam BA itu sendiri.

Adjemian (1976) pula megehadkan istilah sistemasi kepada makna linguistik semata-mata. Beliau mentakrifkan sistemasi sebagai.

*Organization of the set rules and basic elements (lexical items, phonological units, grammatical categories) into a coherent functional whole which results in the emergence of a linguistic entity with internal consistency." (Adjemian: 1976:301)*

Fungsi strategi sama ada sebagai proses pembelajaran, produktif atau komunikatif kelak merupakan penentu bentuk sistemasi bahasa yang dipelajari. Beliau mengandalkan BA ciri-ciri yang sama dengan bahasa natural tetapi terdapat ciri-ciri tertentu yang merupakan pembeza antara kedua-duanya.

Ciri persamaan ialah keintelektualan mutual, yang digunakan untuk berkomunikasi dengan sesebuah kelompok penutur. Keduanya, sistemasi atau konsistensi dalaman. BA mempunyai ciri perubah yang malar dalam sistem linguistik. Apabila seorang penutur cuba menyampaikan satu makna dalam B2 tetapi dia tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang peraturan B2 maka beliau akan menggunakan peraturan dalam B1 yang sudah difahami dengan sedikit penyesuaian atau pun peraturan B2 yang difahaminya sahaja.

Hal ini akan membawa kepada generalisasi terlampau yang merupakan ciri yang tidak ada pada bahasa natural dan hal ini berlaku kerana BA mempunyai ciri keboleherapan yang membenarkan kemasukan unsur luar ke dalam sistemnya. Ciri seterusnya ialah kestabilan, yang didefinisikan sebagai,

*"Stability is defined as those parts of an I system that have lost their permeability."* (Adjemian: 1976:314)

Beliau mencadangkan kestabilan BA sebagai sinonim dengan norma bahasa natural. Bentuk dan peraturan tertentu menjadi stabil disebabkan oleh faktor unsur dalam B2 telah diumumkan (generalized), peraturan B1 yang dipinjam ke dalam B2 dihasilkan dalam BA kurang tepat, atau pun peraturan B2 yang dihasilkan dalam BA kurang tepat. Bentuk ujaran yang dihasilkan dalam tiga situasi di atas biasanya akan lebih tepat dalam BA sekiranya berlaku secara bersistem. Di samping itu proses fosilisasi juga memperlihatkan kestabilan B.A. Sebenarnya hipotesis yang dikemukakan oleh Selinker mempunyai kelemahannya tersendiri. Kita dapati agak sukar untuk menentukan proses mana yang berlaku sama ada pemindahan latihan atau pemindahan bahasa dan sebagainya. Sebagai pengkaji dari luar, kita tidak dapat membaca pemikiran dalam kepala pelajar. Proses kognitif dalam diri pelajar sukar ditentukan secara rambang sahaja.

Pengkaji juga tidak dapat menentukan jenis kesilapan yang dilakukan. Kadangkala dalam pertuturan seharian, kita juga membuat kesilapan seperti dalam ayat, *"I didn't saw him."*, jikalau diujarkan dengan cepat, kita sendiri tidak terlepas daripada melakukan kesilapan ini. Orang yang fasih dalam sesuatu bahasa pun kadangkala melakukan "performance errors" ini, misalnya, kita mengujarkan *"a bunch of keys"*, yang sepatutnya ialah *"a bunch of key."*

Ciri yang ada pada BA sebagai bahasa yang sentiasa berubah menyebabkan rangka Selinker ini dipertikaikan. Pelajar mungkin melakukan satu kesilapan pada tika tertentu akibat pengaruh B1 tetapi lama-kelamaan kesilapan itu dikatakan sebagai

generalisasi terlampau apabila terlalu kerap dilakukan. Kadangkala perubahan itu terlalu cepat sehinggakan sukar bagi kita menganalisis satu kesilapan sahaja.

Rangka Selinker ini dikatakan melihat BA lebih kepada strategi komunikasi daripada strategi penerima yakni interlocutor atau orang yang dilawan bercakap. Fokus BA hanyalah apa yang dikatakan bukan apa yang difahami. Selain daripada itu perbezaan tugas (task) dalam pemutiran (elicitation) dalam BA akan menghasilkan perbezaan dalam hasil akhirnya.

Tarone (1979), berpendapat BA adalah gaya kontinum yang bergantung kepada konteks, sama ada pemaklum diminta menulis atau bercakap. Walaupun soalan yang sama diajukan, kita akan dapati perbezaan dalam jawapan yang dihasilkan sekiranya pelajar diminta bercakap atau pun menulis. Terdapat pelajar yang menulis dengan baik dalam B2 tetapi tidak dapat boleh berkomunikasi dengan baik dalam B2 atau sebaliknya.

Selanjutnya kelemahan rangka ini ialah banyak kajian BA dibuat dalam jangkamasa singkat. Sistem BA hanya boleh dilihat dengan jelas dalam jangkamasa panjang kira-kira 1-5 tahun. Oleh yang demikian apa yang dilihat sebagai fosilisasi dalam jangkamasa pendek dalam satu subsistem linguistik boleh memberi pendekatan yang berlainan jika dikaji dalam jangkamasa panjang.

## **Kesimpulan**

Jelasnya, BA dapat dikatakan sebagai satu sistem bahasa pelajar pada satu ketika, atau ia adalah juga satu kumpulan sistem bahasa yang berkait rapat dengan pembelajaran B2. Dalam pembelajaran B2, pelajar biasanya akan sampai ke peringkat BA dengan menggunakan ciri-ciri tertentu dalam pertuturannya. Ciri-ciri ini wujud dalam sistem bahasa pelajar dan dipindahkan ke dalam BA. Rangka yang

dikemukakan oleh Selinker dapat membantu kita menerima kewujudan BA sebagai hasil pembelajaran B2 tetapi perlu juga diperhatikan. kelemahan-kelemahannya.

## **Bibliografi**

Adjemian, C. 1976 On the Nature of Interlanguage Systems, dalam *Language Learning*, 26, hal. 297-320.

Corder, S.P. 1975. The Language of Second Language Learner: The Broader Issue, dalam *Modern Language Journal*, 59, hal. 409-413.

\_\_\_\_\_. 1967. The Significance of Learner's Error Analysis, dalam IRAL (*International Review of Applied Linguistics*), vol. 5/4., hal. 161-170.

\_\_\_\_\_. 1971. Idiosyncratic Dialects and Error Analysis, dalam IRAL (*International Review of Applied Linguistics*), vol. 9., hal. 147-159.

\_\_\_\_\_. 1981. *Error Analysis and Interlanguage*, Oxford: Oxford University Press.

Duskova, L. 1969. *On Sources of Error on Foreign Language Learning*, London.

Faerch, C. (ed.). 1983. *Strategies in Interlanguage Communication*, New York: London Limited.

Ferguson, C. 1962. *The Grammatical Structure of English and German*. Chicago: University of Chicago Press.

Fries, Charles C. 1945. *Teaching and Learning of English as a Foreign Language*. Chicago: Ann Arbor, University of Chicago Press. LB 1576 Fri.

Frith, M.B. 1975. Second Language Learning: An Examination of Two Hypothesis, dalam IRAL (*International Review of Applied Linguistics*), vol. 1, hal. 327-332.

Lado, Robert. 1957. *Across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers*. Chicago: Ann Arbor, University of Chicago Press. LB 1578 Lad. Red Spot.

Nemser, W. 1971. Approximate Systems of Foreign Language Learners, dalam IRAL (*International Review of Applied Linguistics*) vol. 9, hal. 116-231.

Richards, J.C. (ed.). 1974. *Error Analysis*, London: Longman Limited.

Selinker, L. 1973. Interlanguage, dalam IRAL (*International Review of Applied Linguistics*), vol. 10., hal. 209-231.

Wilkins, D.A. 1972. *Linguistics in Language Teaching*, Cambridge: MIT Press.